



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

1 JANUARI 2025 (RABU)

135 Babi Disita dari Ladang Ternak Haram

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo Online!	Negara	Online	1 Jan



Anggota serbuan melakukan pemeriksaan terhadap ladang babi yang beroperasi secara haram.

SHAH ALAM – Sebanyak 135 ekor babi disita selepas didapati diternak dalam sebuah ladang tanpa lesen di sekitar Teluk Bunut, Banting dekat sini, kelmarin.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor, penyitaan itu hasil operasi bersepadu dilaksanakan kira-kira pukul 8 pagi terhadap tiga buah ladang babi. Hasil pemeriksaan mendapati dua daripadanya telah tidak beroperasi.

“Kesemua babi yang disita

tersebut berada di ladang diperdayai dimiliki oleh seorang lelaki tempatan dan siasatan lanjut dijalankan dibawah Subseksyen 9(3) Enakmen Pengawalan Penternakan Babi 1991,” katanya hari ini.

Turut menyertai operasi itu adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) dan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat.

Menurut DVS Selangor, ia merupakan operasi susulan yang telah dijalankan pada 6

Februari lalu dengan tindakan penguatkuasaan terhadap tiga ladang itu telah ditangguhkan sebelum ini.

Ujarnya, ini ekoran permohonan injuksi yang difailkan di mahkamah oleh pemilik-pemilik ladang babi berkenaan bagi menghalang tindakan penguatkuasaan diambil. – [KOSMO! ONLINE](#)

Malaysia Diminta Tangguh Sementara Eksport Produk Sarang Burung Walet Ke China

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Berita Bisnes	Online	1 Jan



Menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar, tiada pengesanan penyakit Newcastle Disease pada premis dan produk sarang burung walet yang dipantau olehnya hingga kini. - Gambar hiasan/Sinar Harian

PUTRAJAYA: menerusi Perkhidmatan (DVS) menangguhkan pengeksportan sarang burung walet yang melibatkan sarang burung walet mentah bersih dan belum bersih ke China bermula 20 Dis lepas.

Keputusan itu selaras dengan Protokol bagi Eksport Produk Sarang Burung dari Malaysia ke China.

DVS dalam kenyataan

Malaysia semalam memaklumkan bahawa China, melalui Jabatan Pentadbiran Am Kastam negara itu (GACC) meminta Malaysia menangguhkan sementara pengeksportan produk berkenaan berikutan laporan wabak Newcastle Disease (ND) atau penyakit sampar ayam yang dikesan pada ayam dan itik di Malaysia dalam tempoh Mac hingga Jun 2024 sebagaimana telah dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH).

Bagaimanapun, menurut DVS tiada pengesanan penyakit ND pada premis dan produk sarang burung walet yang dipantau oleh jabatan itu hingga kini.

"Rentetan daripada penangguhan pengeksportan tersebut sebanyak 22 konsainan yang berjumlah 1.769 tan metrik bernilai RM7.23 juta dan melibatkan 13 syarikat pengeksport berdepan dengan masalah pelepasan di pintu masuk China," menurut kenyataan itu.

Susulan itu, DVS telah mengadakan sesi perbincangan dengan pengeluar dan pengeksport sarang burung walet Malaysia bagi memberikan maklumat terkini serta membincangkan langkah penyelesaian kepada penangguhan sementara pengeksportan sarang burung walet ke China.

DVS juga telah menghantar laporan terperinci berkenaan status wabak termasuk tindakan pengurusan wabak ND di Malaysia kepada pihak GACC bagi menangani isu tersebut serta memberi jaminan untuk memastikan produk sarang burung walet yang dihantar ke China adalah bebas daripada penyakit ND.

"Sebagai tindakan susulan

kepada isu ini, DVS dalam tindakan mengemas kini Protokol bagi Eksport Produk Sarang Burung dari Malaysia ke China untuk dikemukakan kepada GACC agar pengeksportan sarang burung walet dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

"DVS kekal komited untuk memastikan pematuhan terhadap keperluan eksport antarabangsa serta melindungi kepentingan pengeksport dan pengeluar tempatan," menurut kenyataan itu.

ND atau penyakit sampar ayam berpunca daripada jangkitan Paramyxovirus dan boleh merebak melalui udara, air dan makanan yang tercemar dengan virus ND.-
ASTROAWANI

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR